

Ruj. Kami : (58) JKR (CA)01/KUBINA

Tarikh : 8 Jun 2015

SEPERTI SENARAI EDARAN

Assalamualaikum w.b.t dan Salam 1 Malaysia

Y. Bhg. Datuk / Datin / Tuan / Puan,

JEMPUTAN KE KONVESYEN USAHANITA BINAAN 2015

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersempena dengan International Construction Week 2015, Kementerian Kerja Raya bersama Jabatan Kerja Raya Malaysia akan menganjurkan Konvensyen Usahanita Binaan 2015 (KUBINA 2015) pada 7 September 2015 di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

3. KUBINA 2015 dianjurkan selari dengan usaha kerajaan ke arah meningkatkan upaya usahawan wanita dalam sektor pembinaan. Konvensyen ini akan menjadi ruang terbaik untuk mengembangkan rangkaian, memperkasa idea serta mengutara pandangan yang relevan dengan keperluan industri. Peserta yang hadir juga layak mendapat mata CCD dan CPD dari lembaga-lembaga berkaitan.

4. Y. Bhg. Datuk / Datin / Tuan / Puan adalah dengan segala hormatnya dijemput untuk menyertai konvensyen ini. Bersama-sama surat ini, dilampirkan maklumat penuh konvensyen untuk rujukan selanjutnya.

Kami mengalu-alukan penglibatan dan penyertaan Y. Bhg. Datuk / Datin / Tuan / Puan dalam konvensyen ini. Semoga ianya akan terus memberi nilai tambah kepada usaha untuk merealisasikan aspirasi KUBINA ke arah memperkasakan peranan wanita dalam sektor pembinaan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat dari saya,



DATUK ROSNAH BT. HJ. ABDUL RASHID SHIRLIN

Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia

Merangkap Penaung

Konvensyen Usahanita Binaan 2015



Kementerian Kerja Raya (JKR)



SEKRETARIAT KUBINA 2015
Bahagian Pengurusan Projek 1
Cawangan Kerja Bangunan Am 1
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 17, Menara PJD
50, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
<http://kubina2015.jkr.gov.my>
Emel : kubina2015@jkr.gov.my
Telefon: 03 2616 5043 / 2618 7419
Faks : 03 4041 1925

